

PENGENALAN

IKHLAS HAJJ SAVINGS TAKAFUL adalah pelan yang dipakejkan bersama **IKHLAS Savings Takaful (IST)** dengan penambahan kadar sumbangan, **IKHLAS Immediate Death Expense Takaful Rider (IDE)** dan **IKHLAS Critical Illness Takaful Rider (CI)**.

Pelan ini mempunyai kumpulan sasaran tersendiri. Pelan ini dipakejkan sebagai pengumpulan dana bertujuan menunaikan ibadah Haji atau tujuan murni.

Perlindungan yang disediakan untuk pelan ini termasuk faedah-faedah kematian dan hilang upaya kekal menyeluruh serta faedah penyakit kritikal.

APAKAH MANFAAT YANG DITAWARKAN OLEH IKHLAS HAJJ SAVINGS TAKAFUL?

1. FAEDAH KEMATIAN [Faedah Takaful ini dijamin oleh dana Tabarru']

Faedah kematian bersamaan dengan Jumlah Perlindungan campur amaun terkumpul dalam PIA akan dibayar kepada penama Peserta atau keluarga terdekat.

Penama atau keluarga terdekat digalakkan untuk menggunakan sebahagian faedah kematian untuk membayar 'Badal Haji' bagi pihak Peserta.

2. FAEDAH TPD [Faedah Takaful ini dijamin oleh dana Tabarru']

Jika berlaku hilang upaya kekal menyeluruh kepada Peserta yang merangkumi terma yang terdapat di dalam Sijil, Jumlah Perlindungan campur amaun terkumpul dalam PIA akan dibayar kepada Peserta.

3. FAEDAH SEGERA KEMATIAN [Faedah Takaful ini dijamin oleh dana Tabarru']

Perbelanjaan Faedah Segera Kematian bersamaan RM2,000 akan dibayar dalam masa 24 jam (selepas penghantaran borang tuntutan, permit perkuburan atau sijil kematian kepada Syarikat) kepada penama Peserta atau keluarga terdekat.

4. FAEDAH PENYAKIT KRITIKAL PRA-BAYAR [Faedah Takaful ini dijamin oleh dana Tabarru']

RM10,000 akan dibayar apabila Peserta telah disahkan menghidapi penyakit-penyakit kritikal seperti yang telah dinyatakan di dalam kontrak Sijil. Pembayaran faedah di bawah faedah ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan asas.

5. FAEDAH PENAMBAHAN [Faedah Takaful ini tidak dijamin]

Penambahan adalah Sumbangan tambahan yang berfungsi sebagai akaun simpanan biasa oleh institusi kewangan.

Kadar penambahan akan ditentukan pada permulaan berdasarkan kepada jumlah jangkaan (atau kehendak) yang akan dicapai sehingga tempoh matang

6. FAEDAH TEMPOH MATANG [Faedah Takaful ini tidak dijamin]

Jumlah keseluruhan bersamaan dengan baki dalam PIA dan PRIA akan dibayar semasa tempoh matang.

TEMPOH DAN HAD UMUR

Umur Penyertaan : 30 hari - 60 tahun, umur pada hari jadi berikutnya.

Umur Tamat Tempoh : Minimum mencapai umur 20 tahun dan Maksimum mencapai umur 65 tahun

Tempoh Perlindungan : 5, 10, 15, 20 dan 25 tahun

Pelan Pilihan :

Faedah	Pilihan 1	Pilihan 2	Pilihan 3	Pilihan 4
Faedah Kematian / TPD	RM 20,000	RM 30,000	RM 40,000	RM 50,000
Faedah Segera Kematian	RM 2,000			
Faedah Penyakit Kritikal Pra-Bayar	RM 10,000			

KENAPA TAKAFUL IKHLAS?

Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Adalah anak syarikat MNRB Holdings Bhd. Operasi perniagaan kami adalah berlandaskan kepada prinsip Syariah. Kami turut memberi keutamaan dalam memastikan agar semua urusan perniagaan kami adalah berlandaskan kesaksamaan dan keadilan. Kami percaya kepada falsafah '**memudahkan urusan perniagaan**' kepada rakan perniagaan kami yang paling utama - **para pelanggan kami**.

Kami mengguna-pakai kontrak Tabarru', di mana Peserta bersetuju menderma peratusan yang telah ditentukan daripada Sumbangan kepada dana risiko untuk membantu Peserta lain. Model Takaful IKHLAS memastikan Peserta akan mendapat manfaat daripada keuntungan pelaburan dan lebih (jika ada) dalam dana risiko.

Pendapatan pelaburan bersih dan lebih bersih hasil daripada produk ini akan diagihkan kepada setiap PIA/PRIA.

"Satu pelan yang memberikan ketenangan apabila Sijil orang yang anda sayangi dilindungi sepenuhnya"

PENGECUALIAN AM

1. PENGECUALIAN BAGI KEMATIAN

Tiada faedah yang akan dibayar sekiranya kematian Peserta adalah disebabkan oleh Sindrom Kehilangan Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), Penyakit Berkaitan AIDS atau Penyakit Jangkitan Seksual atau di mana nyawa Peserta diambil menerusi penguatkuasaan undang-undang atau di mana Peserta meninggal dunia kerana terlibat dalam kegiatan yang menyalahi undang-undang dan/atau kegiatan jenayah.

2. BUNUH DIRI

Sekiranya Peserta, sama ada siuman ataupun tak siuman, membunuh diri, Sijil Perakuan ini akan terbatal dan Syarikat akan membayar balik baki PIA dan/atau PRIA (Akaun Pelaburan Risiko Peribadi).

3. PENGECUALIAN BAGI HILANG UPAYA KEKAL DAN MENYELURUH

Faedah tidak akan dibayar di bawah fasal ini bagi TPD yang terjadi secara langsung ataupun tidak langsung daripada mana-mana penyebab berikut:-

a. Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seumpama perang (sama ada perang diisytiharkan ataupun tidak) ataupun perang saudara;

b. Pemberontakkan, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang ramai, revolusi, undang-undang tentera atau di bawah rampasan atau dalam mana-mana keadaan atau punca yang membawa kepada pengisytiharan atau penyanggaraan undang-undang tentera atau di bawah rampasan;

c. Apa-apa tindakan terorisme. Untuk tujuan ini, tindakan terorisme bermakna suatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman darinya, bagi mana-mana orang atau kumpulan(-kumpulan) orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan mana-mana organisasi(-organisasi) atau kerajaan(-kerajaan), yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan atau organisasi dan/atau bagi membuatkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam berada dalam ketakutan;

d. Disebabkan oleh atau akibat daripada membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan dengan sengaja ke atas diri sendiri atau pengambilan alkohol atau narkotik atau dadah yang berlebihan atau ketaksiuman atau berpunca daripada penyakit kelamin;

e. Hilang upaya dialami oleh Peserta sewaktu memasuki, mengendali atau membaiki, naik atau turun daripada atau dengan apa-apa peranti udara atau alat pengangkut termasuk terjun udara, penerjunan dengan payung terjun, terjun bunge, luncur udara atau menaiki belon kecuali semasa Peserta berada di dalam pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah penerbangan penumpang komersial mengikut jadual penerbangan penumpang yang lazim berdasarkan laluan penumpang yang telah ditetapkan;

f. Terjadi sebelum bermulanya perlindungan;

g. Apa-apa pelanggaran undang-undang oleh Peserta atau apa-apa serangan yang dimulakannya;

h. Penglibatan dalam mana-mana aktiviti dalam air yang

menyebabkan perlunya penggunaan radas pernafasan tiruan;

i. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau kontaminasi radioaktif;

j. Sindrom Kehilangan Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan berkaitan AIDS;

4. PENGECUALIAN BAGI PENYAKIT KRITIKAL

Sijil Tambahan ini tidak melindungi kematian, kehilangan atau hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian oleh salah satu daripada kejadian-kejadian berikut:

a. 30 hari waktu menunggu

b. Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seumpama perang (sama ada perang diisytiharkan ataupun tidak) ataupun perang saudara;

c. Pemberontakkan, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang ramai, revolusi, undang-undang tentera atau di bawah rampasan atau dalam mana-mana keadaan atau punca yang membawa kepada pengisytiharan atau penyanggaraan undang-undang tentera atau di bawah rampasan;

d. Apa-apa tindakan terorisme. Untuk tujuan ini, tindakan terorisme bermakna suatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman darinya, bagi mana-mana orang atau kumpulan(-kumpulan) orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan mana-mana organisasi(-organisasi) atau kerajaan(-kerajaan), yang dilakukan atas tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan atau organisasi dan/atau bagi membuatkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam berada dalam ketakutan;

e. Disebabkan oleh atau akibat daripada membunuh diri atau percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan dengan sengaja ke atas diri sendiri atau pengambilan alkohol atau narkotik atau dadah yang berlebihan atau ketaksiuman atau berpunca daripada penyakit kelamin;

f. Hilang upaya dialami oleh Peserta sewaktu memasuki, mengendali atau membaiki, naik atau turun daripada atau dengan apa-apa peranti udara atau alat pengangkut termasuk terjun udara, penerjunan dengan payung terjun, terjun bunge, luncur udara atau menaiki belon kecuali semasa Peserta berada di dalam pesawat udara yang dikendalikan oleh sebuah penerbangan penumpang komersial mengikut jadual penerbangan penumpang yang lazim berdasarkan laluan penumpang yang telah ditetapkan;

g. Apa-apa pelanggaran undang-undang oleh Peserta atau apa-apa serangan yang dimulakannya;

h. Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, pelakuran nuklear, bahan senjata nuklear atau kontaminasi radioaktif;

i. Terjadi sebelum bermulanya perlindungan yang sedia ada; Penyakit sedia ada bermaksud ketidakupayaan yang diketahui oleh Peserta. Peserta dianggap mempunyai pengetahuan terhadap keadaan penyakit sedia ada bagi salah satu keadaan seperti berikut dimana:-

i. Peserta telah menerima atau akan menerima rawatan;

ii. nasihat perubatan, penjagaan atau rawatan penentuan telah disarankan,

iii. tanda-tanda yang jelas dan nyata amat ketara pada waktu semasa atau sebelum, atau

iv. kewujudannya yang ketara ke atas seseorang amatlah nyata.

j. Sekiranya penyakit telah dikenal pasti tiga (3) bulan daripada tarikh pengeluaran Sijil Tambahan atau tarikh penggantian, yang mana kemudian;

k. Bagi Peserta di bawah umur, kerosakan/kecacatan kongenital dikecualikan secara khusus.

NOTA PENTING:

1. Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa caruman yang perlu dibayar di bawah pelan ini merupakan amaun yang mampu anda bayar.

2. Anda perlu merujuk kepada Penjelasan Jualan sebelum membeli pelan ini.

3. Peserta diberikan tempoh bertenang selama 15 hari daripada tarikh penghantaran pelan bagi mengkaji semula kesesuaian pelan yang baru dibeli. Pemotongan ke atas perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan akan dibuat daripada sumbangan yang dibayar.

4. Selepas pembayaran terhadap Sumbangan pertama, kegagalan membuat pembayaran Sumbangan kepada Syarikat sebelum tarikh akhir pembayaran atau semasa tempoh pembayaran, maka berlaku kegagalan dalam pembayaran terhadap Sumbangan.

Sekiranya gagal membuat pembayaran sebelum tamat tempoh dan kegagalan untuk membuat pembayaran Sumbangan, Syarikat mempunyai hak sepertimana yang telah dipersetujui semasa Aqad untuk mendahulukan 'amaun yang sama daripada akaun tersebut' untuk membuat pembayaran kepada Tabarru' dan Sijil akan 'berkuatkuasa di bawah PIA' sehingga amaun PIA/PRIA adalah kurang daripada Sumbangan yang perlu dibayar untuk Tabarru'. Semasa tempoh ini, Sijil masih berkuatkuasa dan sekiranya ada Sumbangan yang belum dijelaskan selepas amaun PIA/PRIA tidak mencukupi untuk didahulukan, Sijil akan ditamatkan dan tidak mempunyai nilai.

5. Risalah ini adalah sebagai maklumat am sahaja. Ia bukan kontrak Takaful. Pengecualian dan had tidak dikemukakan secara terperinci. Sila rujuk kepada kontrak Sijil untuk maklumat lanjut.

6. Sijil-sijil tidak memperuntukkan amaun faedah daripada dana Tabarru' ke atas tamat tempoh matang atau tempoh tamat Sijil-sijil.

7. Faedah-faedah dana pelaburan adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dana dan ia tidak diberi jaminan.

8. Bagi sebarang pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada PIA dan/atau PRIA, Syarikat akan mengenakan fi prestasi sebanyak 10%. Pendapatan hasil daripada pelaburan bersih akan dibayar penuh kepada Peserta. Peserta juga akan mendapat lebihan bersih daripada Dana Risiko selepas ditolak 10% Bayaran Pengurusan Lebihan yang terjadi pada setiap bulan.

9. Risiko pelaburan daripada dana pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik Sijil dan faedah kemungkinan akan kurang daripada jumlah Sumbangan yang dibayar kepada dana pelaburan.

10. Jumlah amaun akan dikecualikan daripada cukai pendapatan untuk Takaful dan sumbangan kepada KWSP adalah terhad kepada RM6,000. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

11. Kadar Sumbangan Kasar untuk Sijil-sijil baru dan pembaharuan kemungkinan akan dinaikkan untuk menunjukkan sebarang kenaikan pada caj risiko. Prestasi lepas terhadap kenaikan Sumbangan tidak boleh digunakan sebagai panduan terhadap prestasi masa depan yang kemungkinan tidak mempunyai persamaan.

12. Syarikat mempunyai hak untuk meneliti dan mengubah pembayaran Sumbangan dengan memberi notis tigapuluh (30) hari sebelum pembaharuan Sijil kepada Peserta.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

KADAR SUMBANGAN KASAR TAHUNAN

[Berdasarkan Jumlah Perlindungan sebanyak RM20,000, Laki-laki, tidak termasuk Sumbangan Penambahan]

Umur	Syarat	
	5	25
5		222.82
10		264.22
15	213.80	310.62
20	214.00	311.82
25	219.50	329.04
30	229.90	363.00
35	254.14	545.26
40	279.94	777.80
45	369.14	
50	549.26	
55	877.98	

Nota Pengecualian : Risalah ini bukan merupakan sebuah kontrak. Sila rujuk kepada kontrak untuk butiran penuh.

TISB 07/09

Untuk maklumat, lanjut sila hubungi kami di:
Tel : **03-2723 9999**
Laman Web : **www.takaful-ikhlas.com.my**
TAKAFUL IKHLAS SDN BHD (593075-U)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

